

Tujuan kaji semula kenaikan pangkat Sekat pegawai menukar kerja



● DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI

KUALA LUMPUR, Isnin. — Matlamat utama Kerajaan mengkaji semula sistem kenaikan pangkat di sektor perkhidmatan awam adalah untuk mengelakkan lebih ramai golongan profesional seperti doktor, jurutera dan arkitek berpindah ke sektor swasta.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, Kerajaan amat memerlukan tenaga dan khidmat mereka bagi membantu melaksanakan projek-projek yang ditetapkan.

"Satu cara mengekalkan mereka di sektor Kerajaan ialah memperbaiki sistem kenaikan pangkat supaya tidak lebih rendah dari pegawai-pegawai pentadbir. Dan cadangan ini juga direstui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad," jelasnya lagi.

Bellau berkata, Kerajaan sedar ramai golongan profesional tidak berpuashati dengan sistem kenaikan pangkat dan gaji mereka. Dan ramai di antara mereka berpindah ke sektor swasta kerana alasan-alasan itu.

"Itulah sebabnya Kerajaan memandang berat perkara ini.

"Tapi katanya, Kerajaan tidak dapat melarang golongan ini berpindah ke sektor swasta yang

menawarkan gaji lebih."

Datuk Abdullah Badawi berkata demikian ketika mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hilmi. Sabtu lalu mengenai perkara itu selepas merasmikan Kurus Rimbungan Kerjaya anjuran Majlis Belia Malaysia (MIBM) di sini, hari ini.

Bellau berkata, cadangan Kerajaan itu tidak akan melibatkan kajian semula gaji di sektor kerajaan. "Kita harus faham kedudukan ekonomi negara. malah kajian semula sistem kenaikan pangkat juga terpaksa mengambil-kira berbagai aspek seperti keperluan semasa dan masalah kewangan," jelasnya.

Kajian semula

Melalui kajian semula itu, katanya, Kerajaan juga menimbang kemungkinannya mewujudkan lebih banyak jawatan baru di peringkat tinggi mengikut keperluan semasa. "Ini juga bergantung kepada kedudukan kewangan negara," tambahny.

Datuk Abdullah Badawi juga berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam tidak harus mengutamakan kelulusan akademik sewaktu menawarkan kerja kepada pemohon-pemohon yang mempunyai bakat semulajadi.

Katanya, ramai yang mempunyai bakat di bidang lukisan, musik dan tarihan tidak berkecuali tinggi. "Justeru itu bakat mereka perlu diambil-kira sewaktu menawarkan kerja," katanya lagi.

Jawatan-jawatan ini, jelas bellau, banyak diperlukan di Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Katanya, Kerajaan bersetuju menimbang perkara ini dan mengarahkan JPA membentuk formula tertentu untuk mengukur kebolehan-si pemohon yang berbakat di bidang seni sewaktu ditemuduga.

Sebelum itu Datuk Abdullah berkata, syarat-syarat pengambilan pekerja baru perlu diubahsuai supaya hanya calon-calon yang layak dan berminat sahaja ditawarkan jawatan yang diiklankan.

Meninggikan mutu

Kata bellau, langkah ini amat penting bagi meningkatkan mutu pekerjaan dan daya pengeluarannya di samping mengelakkan pekerja-pekerja merasa bosan dengan pekerjaannya.

Bellau berkata, ramai pekerja tidak berpuashati dengan pekerjaan masing-masing kerana kelulusan di akademiknya tidak sesuai dengan bidang kerja yang ditawarkan. "Ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk kerja," katanya lagi.

Syarat-syarat yang ada sekarang terlalu umum hingga menyulitkan urusan pengisian jawatan baru, tegas bellau lagi.

Jika syarat-syarat pengambilan dikemaskini dengan mengambil-kira aspek pengalaman, kelayakan dan minat, ramai pekerja tidak akan "makan gaji buta", jelasnya lagi.

Menurut bellau, ada orang mencari kerja semata-mata untuk gaji. "Jika mendapat kerja lain yang lebih sesuai dengan kelulusan dan minatnya, pekerjaan asalnya itu akan ditinggalkan," jelasnya lagi.

Cara ini, kata bellau, harus dielakkan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia